

Selasa – 22 Disember 2020

Halaman : 12

Wira negara daif dapat rumah baharu bulan depan

Oleh ZAKI SALLEH
utusannews@mediamulia.com

TAPAH: Bekas anggota 69 Komando, Konstabel Abri Bah Ali, 60, yang tinggal dalam pondok buruk di perkampungan Orang Asli di Kampung Kuala Senta, Bidor di sini bakal mendiami rumah baharu yang akan dibina tidak lama lagi.

Pembinaan ini akan dilakukan menerusi kerjasama Briged Utara Pasukan Gerakan Am (Bgd Utara PGA) dengan sebuah syarikat pembekalan tenaga, Gading Kencana Sdn. Bhd. (Gading Kencana).

Pengarah Urusan Gading Kencana, Datuk Muhammad Gunter Mansor Tobeng berkata, pihaknya akan membiayai kos pembinaan berjumlah kira-kira RM20,000.

Menurut beliau, pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan Bgd Utara PGA dan Batalion 3 PGA bagi memperincikan perkara tersebut.

"Kerja-kerja akan dimulakan seberapa segera untuk membaiki pondok yang didiami Abri dan dijangka mengambil masa dua minggu.

"Kisah Abri sebenarnya diketahui petugas Gading Kencana semasa melakukan kerja dekat perkampungan tersebut dan kemudian dilaporkan kepada pihak media," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menerima kunjungan Per-



ABRI BAH ALI dan anaknya bakal mendapat rumah baharu mengantikan pondok buruknya di perkampungan Orang Asli di Kampung Kuala Senta, Bidor. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

satuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (Respa) di Ladang Solar Gading Kencana di sini semalam.

Hadir sama Penasihat Respa

yang juga bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar dan Presiden Respa, Tan Sri Mohd. Ismail Che Rus.

Sementara itu, Pegawai

Pemerintah Batalion 3 PGA Bidor, Superintenden Rosman Kasman berkata, seramai 10 hingga 12 orang anggotanya dan Bgd Utara akan terbabit mem-

bina rumah baharu tersebut.

Katanya, sepanjang pembinaan itu nanti, Abri dan anaknya yang berusia 13 tahun akan ditempatkan di kuarters di kem tersebut di sini.

"Kami juga merancang untuk merujuk anaknya yang juga orang kurang upaya (OKU) pembelajaran tetapi tidak bersekolah kepada pihak pendidikan khas.

"Sekiranya semua berjalan lancar, kita jangka dapat menyerahkan rumah baharu Abri pada awal Januari nanti," katanya.

Utusan Malaysia pada 10 Disember lalu menyiaran kisah kedaifan wira negara itu yang tinggal di pondok bersama anak lelakinya itu setelah berpisah dengan isterinya sejak 12 tahun lalu.

Abri menyertai Senoi Praaq pada 1978 sebelum diserapkan ke dalam 69 Komando sebelum menamatkan khidmat setelah enam tahun bertugas.

Dia kemudian pulang ke kampung halamannya.

Sepanjang perkhidmatan, Abri terbabit dalam tiga pertempuran dengan komunis termasuk kejayaan pasukan membunuh seorang anggota musuh.

Dia yang kini menjalani kehidupan seperti penduduk di perkampungan Orang Asli lain hanya bergantung dengan hasil mencari sayur-sayuran dan hasil hutan untuk dijual.